

IKTIBAR PERISTIWA KARBALA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ
يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Alhamdulillah kita berada pada pertengahan bulan Muharam. Terdapat beberapa peristiwa yang berlaku pada bulan ini untuk menjadi iktibar kepada kita semua. Antaranya, ialah peristiwa pembunuhan Saidina Husain Radhiallahuanhu di Karbala, Iraq.

Sesungguhnya, aqidah Ahlul Sunnah wal Jama'ah mengajar kita untuk mencintai seluruh Ahlul Bait Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selagi mana berpegang dengan landasan yang benar. Allah Subhanahu wa-Ta'ala sendiri memberikan pengiktirafan ini, seperti firman-Nya dalam Surah al-Ahzab ayat 33:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Yang bermaksud: Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (daripada segala perkara yang keji).

Sikap menghormati ahli keluarga nabi ini juga merupakan sikap sahabat kanan Nabi. Betapa Saidina Abu Bakar Radhiallahuanhu benar-benar mencintai keluarga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu dikahwinkan anaknya saidatina Aishah dengan Baginda. Betapa pula Saidina Umar, walaupun dibenci oleh Syiah, beliau sangat menyayangi Ahlul Bait Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sehinggakan beliau berkahwin dengan Ummu Kalthum binti Saidina Ali Radhiallahuanhu, anak kepada Fatimah binti Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Saidina Husain Radhiallahuanhu, sama seperti abangnya Saidina Hasan Radhiallahuanhu, adalah merupakan cucunda kesayangan Nabi

Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam hadis riwayat Imam al-Tirmizi, nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

حُسَيْنٌ مِنِّي وَأَنَا مِنْ حُسَيْنٍ أَحَبَّ اللَّهُ مَنْ أَحَبَّ حُسَيْنًا حُسَيْنٌ سَبِيٌّ مِنَ الْأَسْبَاطِ

Yang bermaksud: Husain adalah daripada aku, dan aku daripada Husain.

Allah mencintai sesiapa yang mencintai Husain. Keturunan yang mulia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Walaupun dengan jelas nabi menggalakkan kita untuk menyayangi Hasan dan Husain Radhiallahuanhu, namun telah menjadi kebiasaan sebahagian manusia yang tunduk kepada nafsu dan kuasa, mengabaikan galakan tersebut. Kemuncaknya, ialah peristiwa pembunuhan Saidina Husin Radhiallahuanhu pada 10 Muharam di Karbala, Iraq.

Sejarah mencatatkan bahawa saidina Hasan dan Husain RA mempunyai kewibawaan yang tersendiri sebagai pemimpin. Semasa bermulanya zaman fitnah dan perpecahan selepas era Khulafa' Rasyidun, Saidina Hasan Radhiallahuanhu telah sanggup mengorbankan dirinya dengan memberikan jawatan khalifah yang dibai'ah oleh sebahagian umat Islam, lalu diserahkan kepada sahabat nabi yang dimuliakan iaitu Mu'awiyah bin Abi Sufian, yang berpusat di Damshiq. Peristiwa yang berlaku dalam tahun yang dikenali sebagai 'Am Al-Jama'ah, iaitu tahun perpaduan, pernah diramalkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri. Inilah kepintaran dan sahsiah murni hasil didikan Nabi yang dipamerkan oleh Hasan RA, mengutamakan kepentingan ummah yang lebih ramai, dan sanggup mengorbankan kepentingan diri sendiri, demi keharmonian dan perpaduan.

Selepas kematian Mu'awiyah bin Abi Sufian, dunia umat Islam semakin berpecah. Dengan pelantikan Yazid sebagai Khalifah, umat Islam memerhatikan respon para sahabat yang masih hidup pada waktu berkenaan. Antaranya ialah Abdullah bin Umar, yang berijtihad untuk memberikan bai'ah kepada Yazid, walaupun tidak bersetuju dengan tindakan peribadinya yang kerap menumpahkan darah. Sementara Saidina Husain Radhiallahuanhu dan Abdullah bin Zubair pula berpendirian untuk menentang pelantikan tersebut.

Pendirian mereka, walau bagaimanapun, telah dipergunakan oleh sekumpulan munafiq di Kufah, demi kepentingan politik buta. Mereka telah menghantar surat sokongan palsu, berbentuk provokasi, kononnya akan membantu penentangan Husain. Dalam masa yang sama, Yazid pula telah menghantar seorang anak muda yang kurang berakhlak bernama Ubaidillah bin Ziyad untuk menangani penentangan di Kufah.

Walaupun dinasihati oleh ramai sahabat Nabi untuk tidak pergi ke Kufah, akan tetapi Husain berijtihad untuk pergi jua ke sana, kerana desakan penyokongnya. Akan tetapi, apabila Husain sampai ke Kufah, semua yang mendakwa sebagai penyokongnya akhirnya belot, mendiamkan diri, lalu membiarkan rombongan Husain yang datang jauh dari Hijjaz, dibunuh dengan zalim oleh tentera Ubaidillah.

Peristiwa menyayat hati ini turut dirakamkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya yang bermaksud:

“Anas bin Malik Radhiallahuanhu, berkata : Kepala Husain (yang telah dipenggal) dibawa kepada ‘Ubaidullah bin Ziyad. Kepala itu diletak di bejana. Lalu ‘Ubaidullah bin Ziyad menusuk-nusuk (dengan

pedangnya) seraya menyebut sedikit tentang ketampanan Husain. Anas RA menegur ‘Ubaidullah dengan berkata, “Dalam kalangan Ahlul bait, Husain adalah orang yang paling mirip dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.” Saat itu, Husain RA mewarna rambutnya dengan wasmah (iaitu sejenis daun pewarna gelap)”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Berdasarkan kepada kisah pembunuhan saidina Husain Radhiallahuanhu di Karbala, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran, dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk memelihara perpaduan dalam kalangan umat Islam. Walaupun berbeza pegangan politik, marilah kita bersama-sama bersatu padu supaya negara ini kekal di bawah kuasa pemerintahan orang Islam. Elakkanlah kontroversi dan juga tindakan yang boleh membawa kepada keganasan. Umat Islam juga perlu bijak dalam menangani khabar angin yang disebar, bagi mengelakkan provokasi yang mengundang permusuhan.

Firman Allah dalam surah al-hasyr ayat ke 10 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ

سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: Dan orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara Kami yang mendahului Kami dalam iman, dan janganlah engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan Rahmat-Mu".

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا
نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.